




*Khutbah Jumaat 22 Ogos 2025M / 28 Safar 1447H: "Perpaduan Asas Keharmonian"
Jabatan Agama Islam Selangor*

MANUAL KHUTBAH JUMAAT

**TAJUK ;
PERPADUAN ASAS
KEHARMONIAN**



Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"PERPADUAN ASAS KEHARMONIAN".¹

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَابِلُ : وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَةً لِلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ.¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

3

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

4

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

5

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat. Para jemaah diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "**KEHARMONIAN MENURUT ISLAM**".

6

¹ Saba': 28.



Keharmonian merupakan tonggak kepada terbentuknya sebuah tamadun yang unggul. Keharmonian ini kekal selagi mana persefahaman, hubungan baik dan keadilan sentiasa dijaga oleh semua pihak. Hubungan baik dan keadilan ini boleh dipelihara selagi mana kita mematuhi prinsip-prinsip asas kemanusiaan seperti yang telah ditetapkan dalam agama Islam berasaskan akidah, hak, kehormatan dan nilai kemanusiaan.

7

Allah SWT berfirman dalam surah Saba' ayat 28 sebagaimana dibacakan pada awal khutbah yang bermaksud:

"Dan Kami tidak mengutus kamu (wahai Muhammad) melainkan kepada semua umat manusia sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang yang beriman) dan sebagai pemberi amaran (kepada orang yang ingkar), tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu)".

8

Sesungguhnya Nabi Muhammad SAW telah diutuskan untuk membawa syiar Islam kepada seluruh umat manusia, demi menegakkan keamanan dan memelihara keharmonian. Islam sangat menolak segala bentuk penindasan dan ke ganasan terhadap mereka yang berlainan agama, bangsa, mahupun budaya.

9

Agama ini menitikberatkan ketinggian budi pekerti dan akhlak mulia dalam hubungan sesama manusia. Bahkan, Rasulullah SAW sendiri diutuskan untuk menyempurnakan akhlak manusia. Baginda SAW menzahirkan akhlak terpuji bukan hanya kepada sesama Muslim, malah juga kepada mereka yang bukan Muslim, sebagai teladan agung bagi seluruh umat.

10



Konsep perhubungan sesama umat Islam berpaksikan iman kepada Allah SWT. Daripada iman yang teguh inilah, lahirnya kasih sayang, rasa hormat, dan tanggungjawab antara satu sama lain, sebagaimana yang dituntut oleh agama kita.

11

Firman Allah SWT dalam surah Al-Hujurat ayat 10:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ.

12

"Sesungguhnya orang yang beriman itu bersaudara, maka damaikanlah antara kedua-dua saudara kamu (yang bertelingkah) dan bertakwalah kepada Allah agar kamu mendapat rahmat."

13

Dr. Wahbah al-Zuhaili ketika menafsirkan ayat ini menyatakan bahawa umat Islam disatukan oleh satu asas yang sama iaitu iman. Hanya dengan iman sahajalah persaudaraan umat Islam dapat dikekalkan. Kerana perhubungan yang diasaskan atas dasar akidah adalah lebih kuat, lebih kekal, dan lebih menjamin kehidupan yang aman dan harmoni.

14

Maka, atas dasar keimanan yang menjadi teras persaudaraan ini, setiap Muslim dituntut untuk menjauhi segala perbuatan yang boleh menyakiti, menzalimi, atau merenggangkan hubungan sesama kita.

15



Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radiallahu anhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"(ingatlah) orang Islam adalah saudara orang Islam yang lain, janganlah seorang muslim menyakiti saudaranya itu, dan janganlah ia menghampaskan semasa orang itu memerlukan pertolongan, dan juga janganlah ia memandang rendah kepadanya apa lagi menghinanya. (Sebenarnya) takwa bertempat di sini! (Baginda menjelaskan demikian) dengan menunjukkan kepada dadanya tiga kali. (Kemudian Baginda menegaskan lagi): Cukuplah seseorang itu dikira melakukan kejahanan apabila ia memandang rendah (menghina) saudara sesama Islam. Keseluruhan hak seorang Muslim kepada Muslim lain adalah haram melakukan mudarat kepada keselamatan nyawa, harta dan kehormatan Muslim lain". "

16

(Riwayat Muslim).

Oleh itu, hubungan sesama Muslim itu tidak akan terlepas daripada hak dan tanggungjawab yang wajib ditunaikan kepada saudaranya seperti hak berkaitan dengan harta, nyawa, lidah, hati, janji dan lain-lain. Dalam hal ini, Imam al-Ghazali sangat menekankan tentang adab-adab dan akhlak yang mulia dalam semua bentuk hubungan sesama Muslim dan bukan Muslim seluruhnya.

17

Maka setiap Muslim, wajib memelihara seluruh anggota tubuhnya yang zahir seperti tangan, kaki, mata, telinga, lidah, perut dan kemaluan daripada melakukan perkara yang menyakiti saudara seagamanya atau sesama insan, serta menjauhi segala perbuatan yang dilarang oleh Allah SWT.



Di samping itu, hati juga wajib dipelihara dengan sebaik-baiknya agar tidak dihinggapi penyakit-penyakit yang membinasakan, seperti sifat marah yang melampau, bakhil, dengki dan sompong. Sesungguhnya, penyakit-penyakit hati ini bukan sahaja merosakkan hubungan sesama Muslim dan sesama manusia, bahkan turut mengundang kemurkaan Allah SWT.

18

Sebagai agama yang syumul dan universal, Islam telah menetapkan panduan dalam membina hubungan antara Islam dengan bukan Islam. Al-Quran dan sunnah telah menetapkan beberapa asas kepada bentuk hubungan dengan bukan muslim secara aman dan harmoni. Antara asas tersebut ialah;

19

1. Kepelbagaian dalam Penciptaan. Kepelbagaian, berbilang dan wujudnya perbezaan merupakan sebahagian dari fitrah penciptaan makhluk oleh Allah SWT. Penciptaan manusia yang berbilang bangsa, bahasa dan warna kulit, pada hakikatnya kesemuanya berasal dari nabi Adam *Alaihissalam*.

2. Kepelbagaian kepercayaan dan agama adalah Sunnatullah. Namun dalam kepelbagaian tersebut, Islam menegaskan bahawa ada batas yang jelas yang perlu dipertahankan. Dalam perkara yang bersifat tetap dan tidak berubah seperti akidah, ibadah, dan prinsip syariah, umat Islam mesti berpegang teguh dengannya tanpa sebarang kompromi.

20

Sepanjang sejarah Islam, kita tidak pernah diajar untuk meruntuhkan rumah ibadat penganut agama lain. Bahkan, sejarah membuktikan bahawa Rasulullah SAW dan para sahabat menghormati kewujudan penganut agama lain serta rumah ibadat mereka. Satu-satunya pengecualian ialah tindakan Baginda SAW menyucikan Kaabah daripada berhala ketika pembukaan Kota Makkah, kerana ia adalah rumah Allah, SWT yang mesti dibersihkan daripada sebarang unsur syirik.

21



Firman Allah SWT dalam surah al-Kafirun ayat 1-6, yang bermaksud:

"Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai orang kafir! Aku tidak akan menyembah apa-apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah. Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat. Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat. Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku."

22

3. Hidayah adalah milik Allah SWT. Umat Islam telah ditanamkan dalam akidah mereka bahawa hidayah hanyalah milik Allah SWT secara mutlak. Hanya Allah SWT yang dapat memberikan hidayah kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Kita tidak berkuasa memberikan hidayah terhadap orang lain meskipun terhadap anak dan keluarga. Tugas seorang muslim hanya perlu berusaha untuk menyampaikan dakwah sahaja.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 272:

لَيْسَ عَلَيْكَ هُدًى لَّهُمْ وَلِكُنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ



"Bukanlah kewajipanmu (wahai Muhammad) menjadikan mereka (yang kafir) mendapat petunjuk (kerana kewajipanmu hanya menyampaikan petunjuk), akan tetapi Allah jualah yang memberikan petunjuk (memberi taufik) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya".

Atas dasar ini, bukanlah menjadi tugas seorang Muslim untuk menghukum saudaranya yang secara lahiriah menolak dakwah Islam. Sesungguhnya hanya Allah SWT sahaja yang mengetahui hakikat hati mereka, dan hanya Dia yang akan menghukum pada hari perhitungan di akhirat kelak. Maka dengan kefahaman ini, nurani seorang Muslim akan menjadi tenang dan tenteram dalam menunaikan tuntutan berbuat baik kepada golongan bukan Islam, bahkan akan menghormati penganut agama dan kepercayaan yang pelbagai.

Firman Allah SWT dalam surah al-Mumtahanah ayat 8 bermaksud:

"Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang yang tidak memerangimu dalam urusan agama (kamu), dan tidak mengusir kamu dari kampung halamanmu. sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil."

Tafsiran ayat ini juga dikaitkan dengan sepotong hadis daripada Asma' binti Abi Bakar Radiallahuanhuma, ia berkata:

"Ibuku datang mengunjungiku pada masa perjanjian damai Quraisy dengan Rasulullah SAW, sedang waktu itu dia adalah seorang perempuan musyrik. Lalu aku pergi menemui Rasulullah SAW dan bertanya kepada baginda, 'Wahai Rasulullah, sesungguhnya ibuku datang dengan mengharap baktiku kepadanya, maka apakah aku boleh berbuat baik kepadanya?' Rasulullah SAW menjawab, "Ya, berbuat baiklah kepada ibumu, sambutlah kedatangannya dan perlakulah ia dengan baik".

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).



Berdasarkan peristiwa ini, Islam mengharuskan untuk kita menjalin hubungan sesama insan dan berbuat baik, bahkan memberikan pertolongan serta bantuan apabila diminta oleh orang bukan Islam, demi memelihara kebaikan dan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran daripada khutbah ini untuk dijadikan panduan dalam hidup kita iaitu:

1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa hanya dengan keimanan yang sebenar-benarnya kepada Allah SWT sahajalah persaudaraan dan keharmonian dapat dipelihara, meskipun kita berhadapan dengan cabaran politik, ekonomi dan teknologi yang sentiasa berkembang pada zaman ini.
2. Umat Islam hendaklah sentiasa memelihara hubungan yang mesra, aman dan harmoni sesama warganegara tanpa mengira latar belakang agama dan budaya, demi mengekalkan keamanan dan menjamin kemajuan negara yang kita cintai ini.
3. Masyarakat Muslim dan bukan Muslim di negara ini hendaklah memahami hak, melaksanakan tanggungjawab, serta menjaga kehormatan sebagai warganegara, sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan, tanpa sekali-kali menjelaskan kedudukan Islam sebagai Agama Persekutuan, agama yang mulia, dan tiada yang lebih tinggi daripadanya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَحْدَةً وَلَا يَرَوْنَ مُخْتَلِفِينَ。 إِلَّا
مَنْ رَّحِمَ رَبُّكَ وَلِذَلِكَ خَلَقَهُمْ وَتَمَّتْ كَلْمَةُ رَبِّكَ لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنْ
الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ。



"Dan kalaullah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendakinya, tentu Dia menjadikan semua manusia ini umat yang satu (namun Dia tidak berbuat demikian) dan disebabkan itulah mereka terus-menerus berselisih faham. Kecuali orang yang dikurniakan rahmat oleh Tuhanmu (mereka bersatu dalam rahmat Allah) dan untuk (perselisihan dan rahmat) itulah Allah mencipta manusia. Dengan itu, sempurnalah janji Tuhanmu, dan Aku pasti akan memenuhkan neraka Jahanam dengan jin dan manusia (yang berdosa)."

(Surah Hud: 118-119).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ هُدًى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً، أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتُهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْتُهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.²</p>	4
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	5
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.</p>	6
<p>اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذْلَّ الْشَّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَ الْدِينِ، وَاجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ آمِنًا مُظْمَنِنًا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.</p>	7

² Al-Ahzab: 56.



اللَّهُمَّ وَفِقْهُ أَئِمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ لِمَا فِيهِ
صَلَاحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.

8

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ
الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَايَاتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَيَحْفَظِ
وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،

9

جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاُغُور، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ
شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،

10

وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سلاُغُور، تَعْ كُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ
السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنْكَ وَكَرِمَكَ يَا ذَا الْجُلَالِ وَالْإِكْرَامِ.

11

اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلنِّمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلْغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

12

Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat Radiallahuanhum. Jauhkanlah kami daripada segala bentuk penyelewengan, kesesatan, syirik dan khurafat, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.



Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala kerosakan dunia angkara perbuatan tangan-tangan kami sendiri. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.

13

Ya Allah! Bimbinglah kami agar istiqamah dalam melaksanakan segala perintah-Mu dan meninggalkan segala larangan-Mu. Suburkanlah kasih sayang dan ukhuwah di antara kami serta hiasilah diri kami dengan akhlak mulia.

Ya Allah! Kami memohon perlindungan-Mu daripada kejahanan para musuh dan pengkhianat. Peliharalah kami daripada godaan syaitan dan tentera-tenteranya serta bimbinglah kami untuk sentiasa mendekatkan diri kepada-Mu.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِيمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ

19

النَّارِ³.

³ Al-Baqarah: 201.



عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁴

20

فَإِذْ كُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاשْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ
مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

21

⁴ Al-Nahl: 90.